

Gila remaja 16 tahun

Kenalilah ciri-ciri lelaki perogol. Dia mungkin ada di depan anda!



SESETENGAH orang menuding jari kepada mangsa rogol kononnya merekalah yang menjadi punca berlakunya kejadian tersebut.

Oleh SUBASHINI RAJANDRA

subashini.rajandra@kosmo.com.my

HAMPIR kesemua kajian dan penyelidikan awal yang dilakukan ke atas kejadian rogol, di dalam dan luar negara, hanya bertumpu pada insiden yang berlaku. Kalau diselami jauh pun, ia masih menyentuh kesan yang dialami oleh mangsa rogol dan cara-cara menangani punca kejadian tersebut.

Jarang sekali perhatian diberikan kepada bukti yang menghalu kepada pesalah. Malah ia berbalik semula kepada mangsa rogol yang dikatakan menggoda pemangsa.

Secara puratanya, empat orang wanita dirogol setiap hari di Malaysia. Ini bermaksud setiap hari kita 'menggadaikan' maruah wanita yang mungkin merupakan ibu kepada seorang anak kecil, isteri, pelajar sekolah atau pekerja profesional.

Pada tahun 1980, sebanyak 138 kes rogol dilaporkan kepada pihak polis. Ia satu angka yang kecil. Namun tahun-tahun berikutnya menyaksikan jenayah ini semakin menjadi-jadi.

20 tahun kemudian, jumlah kes meningkat kepada 1,217. Pada tahun 2006, bilangannya ialah 2,431. Apa yang lebih membimbangkan ialah ratusan kes dipercayai tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa.

"Sudah tiba masanya kita mengambil pendekatan holistik dengan mewujudkan keperluan memahami secara mendalam diri perogol.

"Oleh kerana mereka yang bersalah dan melakukan perbuatan keji itu, seharusnya satu penilaian dilakukan ke atas pemikiran, perasaan, pendapat dan perangai pesalah dalam usaha menurunkan statistik," hujah Dr. Rohana Ariffin, penyelidik bersama dan penyunting

buku *Rapist & Rape, Who & Why*.

Selalunya, orang ramai memberi fokus yang lebih kepada mangsa kerana mereka dianggap memerlukan sokongan moral dan kaunseling.

Sesetengahnya pula terus menuding jari kepada mangsa rogol kononnya merekalah yang menjadi punca kerana mengenakan baju yang seksi, memakai mekap atau kasut tumit tinggi.

Tidak kurang juga keadaan persekitaran yang mendorong kejadian. Pesalah pula ba-gaikan secara tidak sengaja telah 'disorokkan' di belakang tabir.

Dr. Rohana berkata: "Apabila kita memfokuskan kajian kepada pesalah, beberapa soalan berbangkit: Siapakah perogol ini dan mengapa mereka merogol?"

"Bolehkah kita memperoleh profil perogol lelaki? Apakah sebab di sebalik seleksi mangsa dan apa yang berlaku sebelum insiden ini tercetus?"

Buku *Shame, Secrecy & Silence* oleh Dr. Rohana pada tahun 1997 membongkar perkara-perkara tertentu berhubung kejadian rogol, perogol

dan agensi yang terbabit. Namun tinjauan ini terhad kepada 42 orang perogol dan merangkumi penjara di bahagian utara iaitu Taiping dan Pulau Pinang.

Kajian pada tahun 2003 oleh Rachel Samuel, seorang pensyarah di Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka, bagaimanapun menjadi penggerak kepada pengklasifikasian perogol.

Kajian selama 10 bulan itu melibatkan temu ramah dengan 90 orang yang telah disabitkan kesalahan merogol. Mereka dibahagikan kepada enam kategori berdasarkan maklumat sosiodemografik, keluarga, persekolahan, sejarah hubungan seksual, kejadian rogol dan tingkah laku perogol itu sendiri.

Dengan bantuan kira-kira empat orang penyelidik termasuk Dr. Rohana yang merupakan

“Jika makanan sudah dihidang, kalau saya tak makan, lalat akan datang. Biar saya yang makan”

bekas profesor madya di Universiti Sains Malaysia (USM) dan seorang aktivis yang memperjuangkan hak persamaan jantina, Rachel mengunjungi empat buah penjara, yakni di Seremban, Kajang, Sungai Buloh dan Johor Bahru.

Hasilnya, muncul satu petunjuk yang mengejutkan. Data purata umur perogol di negara ini ialah 41 tahun.

Secara lazimnya, 37 peratus jenayah sumbang muhrim terdiri daripada mereka yang berusia 40 tahun dan ke atas manakala mereka yang merogol kenalan berusia 40 tahun dan ke bawah.

“Statistik ini memperlihatkan sebahagian besar perogol di Malaysia adalah golongan berusia berbanding di luar negara.

Di Amerika Syarikat, misalnya, 80 peratus perogol adalah mereka yang berumur di bawah 30 tahun,” kata Dr. Rohana.

“Berlainan, di Malaysia kita menyaksikan hanya 27 peratus perogol datang daripada kumpulan usia di bawah 30 tahun manakala 13 peratus lagi adalah



DARI kiri: Rachel, Dr. Rohana, Dr. Ng Yen Yen dan Nanthini.

info



Ciri-ciri lelaki perogol

USIA

Kebanyakan perogol berusia 40-an dan ke atas. Namun ada juga yang berumur 20-an.

PERKAHWINAN

Sebahagian besar masih mempunyai isteri yang sah. Selebihnya bujang dan bercerai. Menariknya, ramai juga perogol yang pernah berkahwin lebih daripada sekali.

PENDIDIKAN

Tahap pendidikan yang diterima amat rendah iaitu setakat sekolah rendah atau tiada langsung. Hanya segelintir perogol yang memiliki diploma atau ijazah.

mpulan perogol berusia di bawah 25 tahun.”

Adakah trend ini dipengaruhi oleh sindrom usia pertengahan yang dilalui oleh kaum lelaki?

Rachel menjelaskan bahawa kemungkinan kaum lelaki pada usia berkenaan merasakan diri mereka tidak ‘diendahkan’ oleh wanita.

“Satu sebab ialah kurang tarikan dari segi fizikal. Kedua ialah isu andropaus yang membuat mereka rasa kurang macho.

“Jadi, itu sahajalah yang dipandang berat semasa membuktikan sifat macho ke atas mangsa.

“Bagi mereka, perbuatan sedemikian bukanlah rogol memandangkan tiada penggunaan kekerasan seperti pisau,” jelas Rachel merujuk kepada beberapa pengakuan penjenayah.

Sebanyak 60 peratus daripada perogol yang ditemui, masing-masing bersetuju dengan kenyataan bahawa wanita dicipta untuk memuaskan nafsu lelaki dan bersifat menggoda.

Sebanyak 80 peratus bersetuju bahawa wanita perlu diajar dan ditunjuk jalan yang betul. Tanpa disedari, pengakuan ini menjurus sekali lagi bahawa wanita bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keganasan rogol.

Jika anda menerima hakikat di atas, ikuti petikan ini dan renung-renunglah. Seorang perogol berusia 57 tahun yang merogol seorang budak berusia 14 tahun, berpendirian bahawa: “Jika makanan sudah dihidang, kalau saya tak makan, alat akan datang. Biar saya yang makan.”

Sama juga dengan seorang lagi perogol berusia 55 tahun yang mengambil

kekuasaan ke atas wanita yang berumur 15 tahun kala isterinya mencapai fasa menopause. “Nak ‘tidur’, bantal pun sampai, kita pun tidurlah.”

Isu kekuasaan ke atas wanita juga ditekankan oleh perogol. Faktor-faktor lain ialah bilangan dan hubungan antara adik-beradik, status perkahwinan ibu bapa, siapa yang membesarkan diri, diskripsi penjaga atau ibu bapa, pengalaman di sekolah dan pendedahan kepada unsur-unsur keganasan.

“Dari segi sejarah hubungan seksual, persepsi dan tingkah laku perogol serta pola pemilihan mangsa cukup menarik.

“Jika anda membayangkan hanya wanita yang berkulit cerah mempunyai kebarangkalian tinggi, 47 daripada 90 perogol yang dikaji menggemari wanita berkulit hitam manis dan gelap.

“Manakala 61 peratus bercitarasakan wanita yang memiliki rambut panjang dan 43 perogol suka pada wanita yang berbadan langsing.

“Ada juga yang tertarik pada wanita kurus,” kata Dr. Rohana. Beliau menambah, 52 peratus perogol berminat dengan wanita dalam lingkungan usia 10 hingga 29 tahun.

Secara perbandingan, statistik tahun 1995 menunjukkan 60 peratus mangsa rogol terdiri daripada mereka yang berusia 16 tahun dan ke bawah.

“Sebab itu kesannya amat buruk jika had umur kesalahan rogol dalam Kanun Keseksaan diturunkan daripada 16 kepada 12 tahun. Mengikut undang-undang sebelum ini, mereka yang mengadakan hubungan seks dengan gadis berusia bawah 16 tahun dianggap merogol secara automatik.

“Ini bermaksud seorang kanak-kanak

berusia 12 tahun dan ke atas kini hanya diklasifikasikan rogol setelah terbukti bahawa dia tidak membenarkan perlakuan tersebut.

“Jika hubungan seksual tersebut berlaku atas persetujuan kedua-dua pihak, ia tidak disabitkan sebagai kesalahan rogol.

“Persoalan ini tidak wujud sebelum ini jika kanak-kanak perempuan di bawah usia 16 tahun dirogol,” luah Rachel kesal.

Sebagai Pengarah Program Wanita untuk Pembangunan Wanita, Era Consumer Malaysia, Nanthini Ramalo yang banyak terlibat dengan aktiviti kaunseling dan membina kendiri yakin pembukuan data-data terperinci ini memberi kesedaran dan kefahaman terhadap jiwa perogol.

“Setakat ini, kami hanya menerima mangsa rogol yang datang mendapatkan kaunseling. Namun buku *Rapist & Rape* membuka ruang kepada Era Consumer menggambarkan cara pemikiran perogol sebelum menawarkan kaunseling.”

Era Consumer yang menerbitkan 2,000 naskhah buku tersebut, kini mendedarkannya secara percuma di pejabat-pejabat di Petaling Jaya.

Pada majlis pelancaran yang diadakan baru-baru ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Datuk Dr. Ng Yen Yen mengalu-alukan agar lebih ramai warga muda terutama remaja membaca buku setebal 65 muka surat itu.

Bagi mereka yang berminat membaca *Rapist & Rape, Who & Why*, boleh memuat turun buku tersebut di laman web www.eraconsumer.org.

ASAL

Lebih separuh perogol membesar di kawasan pedalaman dan mereka gemar mengadakan hubungan sumbang muhrim. Mereka juga sering merogol kenalan.

KELUARGA

Ramai perogol sebenarnya membesar dengan ibu bapa. Mereka juga mempunyai hubungan keluarga yang baik.

Wanita yang digemari perogol

CANTIK

Pemangsa berasa selesa dengan kaum perempuan yang tampil kemas atau elok. Ini tidak bermakna perempuan cantik terkecuali! Kriteria ini agak subjektif.

BENTUK BADAN

Sekali lagi, perempuan ramping dan langsing dilihat lebih menarik berbanding perempuan yang berisi atau gempal. Seleksi ini turut merangkumi mangsa yang kurus. Bagi sesetengah pesalah, bentuk badan apa pun tidak penting.

RAMBUT

Ramai perogol suka pada mangsa yang berambut panjang. Jika tidak terlalu panjang pun tidak apa asalkan ia melepasi bahu atau boleh diikat. Yang berambut pendek juga tidak terkecuali.

WARNA KULIT

Jika perempuan berkulit cerah mempunyai permintaan tinggi dalam bidang pengiklanan, namun perogol di Malaysia meminati perempuan yang berkulit hitam manis atau sawo matang.

REMAJA

Walaupun pemangsa menyukai remaja dalam lingkungan usia 16 tahun, jangan fikir jika anda sudah melepasi 40 tahun anda akan terselamat!

Sumber: Kajian Rachel Samuel

Mereka telah disabitkan kesalahan



MOHAMED ABBAS, 47



AHMAD NAJIB ARIS, 29



HANAFI MAT HASSAN, 34



KAMALASON KRISHNAN, 47